

WANITA UMNO: KETUA2 BARU

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh Sabariah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Lima belas dari 21 Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Pergerakan Wanita UMNO Negeri, digugurkan dari senarai perlantikan semula bagi tahun 1982/84.

Hanya 6 tokoh dari empat negeri, iaitu Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Johor dan Kelantan kekal dalam jawatan masing-masing. Tokoh-tokoh tersebut ialah Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dan Puan Hallimah Kernawi (Wilayah Persekutuan); Hajah Khatimah Haji Ibrahim dan Puan Aishah Talib (Negeri Sembilan); Datuk Fatimah Abdul Majid (Johor) dan Tengku Noor Asiah (Kelantan).

Senarai perlantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri itu diumumkan oleh Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani di sini hari ini.

Beliau juga mengesahkan perlantikan Puan Rahmah Ohman sebagai Pengerusi Perhubungan Selangor manakala Timbalannya, Puan Fatimah Suhaimi.

Dalam laporannya semalam, *Berita Harian* juga menyebut perlantikan Datuk Fatimah Abdul Majid (Pengerusi) dan Puan Shariffah Dorah Syed Mohamad (sebagai Timbalan Pengerusi) bagi negeri Johor. Datin Paduka Hajah Aishah Ghani juga mengesahkan perlantikan Datuk Fatimah Ahmad dan Hajah Seon Abdul Hamid sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi untuk negeri Melaka.

Jawatan Pengerusi dan Timbalan untuk negeri Pulau Pinang disandang oleh Senator Rogayah Ariffin dan Puan Siti Aishah Sheikh Omar.

Senarai seterusnya ialah Puan Rokiah Zainuddin (Pengerusi) dan Rosliah Abdul Ghani (Timbalan)

untuk Kedah; Puan Sharifah Zakiah Syed Mohamed (Pengerusi) dan Puan Norlah Ahmad (Timbalan) untuk Perlis manakala Terengganu pula, Senator Hasanah Kassim (Pengerusi) dan Tok Puan Wan Asiah Ahmadi sebagai Timbalan Pengerusi.

Datin Paduka Hajah Aishah juga mengumumkan perlantikan Puan Habibah Abdul Ghani (Pengerusi) dan Puan Norani Hitam (Timbalan) untuk negeri Pahang.

Pengerusi Perhubungan Negeri Kelantan masih disandang oleh Tengku Nor Asiah. Timbalannya akan diumumkan tidak berapa lama lagi oleh Datin Paduka Hajah Aishah Ghani. Begitu juga jawatan Pengerusi dan Timbalan untuk negeri Perak yang hanya akan diketahui pada 31 Oktober ini.

Datin Paduka Hajah Aishah Ghani juga mengumumkan perlantikan lima ahli Pergerakan Wanita UMNO Malaysia untuk Exco tambahan.

Mereka ialah Puan Latifah Abdul Ghaffar (mewakili Pahang), Puan Rokiah Zainuddin (Kedah), Puan Khatimah Ibrahim (Negeri Sembilan), Dr. Siti Zaharah Sulhiman (Selangor) dan Datuk Fatimah Salim (Johor.)